

28/05/2003

Sabah: Politik tak bergolak, bola pula bergolek

Lichong Angkui

MINGGU lalu, saya didatangi dua lelaki separuh usia serentak, membawa kenyataan untuk disiarkan. Menyangka mereka datang bersama, saya lantas mempersilakan kedua-duanya masuk - rupa-rupanya mereka datang dari dua daerah berlainan dengan cerita yang jauh berbeza.

Peminat sukan, Hassan Harun, dari Papar, Sabah membawa surat empat halaman mengenai ulasannya berhubung isu bola sepak, gara-gara kekecohan perlawanan Sabah-Negeri Sembilan, 17 Mei lalu.

Sementara, ahli Umno, Muhamad Zain Mohd Yakub dari Tanjung Aru, membawa dua kenyataan akhbar isu politik iaitu calon pilihan raya dan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Pada waktu itu, saya tidak sempat membaca keseluruhan isi surat Hassan dan dua kenyataan akhbar Muhamad Zain kerana mereka asyik memberikan hujah mengenai isu masing-masing, sehinggakan saya 'pening' menjawab di antara isu bola sepak dan politik di Sabah.

Memang pun kedua-dua isu berkenaan kini hangat diperkatakan, malah isu bola sepak turut menjadi polemik baru sehingga mengheret persoalan mutu bola sepak Sabah dan standard pengadilan.

Begitu juga dengan isu politik, terutama calon pilihan raya, ia semakin panas dan menjadi bualan kedai kopi berikutan ura-ura pilihan raya negeri kemungkinan diadakan sebelum Oktober depan.

Saya berjanji kepada Hassan dan Muhamad Zain akan meneliti surat dan kenyataan mereka walaupun 'personaliti mereka' tidak membawa nilai berita.

Hassan cuma seorang peminat sukan dan Muhamad Zain pula ahli biasa Umno Bahagian Tanjung Aru.

Selepas memperincikan surat Hassan, didapati ia membawa mesej suara hati sebahagian peminat bola sepak Sabah, maka saya memperturunkan rumusan suratnya: - Punca rusuhan penonton bola sepak pada perlawanan separuh akhir kedua Piala FA di antara Sabah dan Negeri Sembilan pada malam itu angkara keputusan/hukuman pengadilan yang didakwanya tidak konsisten, sambil menceritakan rentetan peristiwa sejak awal perlawanan.

Dari nada suratnya, Hassan kesal dengan pelbagai kenyataan menuding jari kepada penonton dan pegawai Persatuan Bola Sepak Amatur Sabah (Sabah FA).

Hakikatnya, Jawatankuasa Pertandingan Tempatan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang bermesyuarat 21 Mei lalu, mengesahkan keputusan pengadilan perlawanan, Rosdi Shahrul, membatalkan jaringan pemain tengah Sabah, Robbie Gesper menerusi sepakan percuma, sekali gus memberi kemenangan 3-0 kepada Negeri Sembilan.

Apapun, sebarang keputusan FAM termasuk Jawatankuasa Tatatertibnya harus

dihormati sejajar statusnya sebagai pendukung dan institusi tertinggi bola sepak tanah air.

Sementara dua kenyataan akhbar Muhamad Zain pula, bagi penilaian saya, turut mewakili suara sebahagian rakyat Sabah yang menuntut untuk diberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya.

Beliau walaupun tidak berjawatan tinggi dalam parti, yang pastinya Muhamad Zain adalah pengundi Sabah yang akan menunaikan hak demokrasi dalam pilihan raya negeri nanti.

Dalam kenyataannya itu, beliau berpendapat soal pemilihan calon pilihan

raya, khususnya bagi Umno, hendaklah memberi keutamaan kepada pemimpin tempatan, selain berpandukan komposisi kaum di sesebuah kawasan.

Beliau mengambil contoh jika pengundi Bumiputera Islam di sesebuah kawasan lebih 55 peratus, sewajarnya ia diberikan kepada calon mewakili Bumiputera Islam, iaitu Umno.

Begitu juga sekiranya kawasan berkenaan majoriti pengundi Bumiputera bukan Islam atau Cina.

Mesej pentingnya juga ialah supaya calon yang dipilih itu mencerminkan keperibadian mulia, berwibawa, berketrampilan, selain mempunyai wawasan untuk membangunkan kawasannya.

Penutup suratnya begitu menarik kerana menekankan `Umno Sabah tetap unggul, teguh, mantap dan stabil dan dijangka mampu menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan negeri yang ditandingi.'

Sementara surat kedua mengenai isu penggiliran jawatan Ketua Menteri, Muhamad Zain merumuskan sistem yang diperkenalkan sejak 1994 itu tidak banyak membantu pembangunan ekonomi Sabah.

Hujahnya mudah, sistem itu hanya memanfaatkan segelintir pihak yang berkepentingan, tetapi tidak menggalakkan kedatangan pelabur kerana takut

dengan dasar tidak konsisten pimpinan kerajaan. Baginya, sistem itu sepatutnya sudah lama dilupuskan.

Untuk itu, beliau mahu Ketua Menteri, Datuk Musa Aman, sekarang diberikan sokongan padu oleh segenap lapisan rakyat demi kesinambungan agenda pembangunan untuk rakyat dan negeri.

Dalam pada itu, seorang rakan penulis politik, menyatakan Sabah kini semakin kukuh dan stabil dan menjanjikan hari esok yang lebih baik.

"Politik sudah tak bergolak, bola pula bergolek," katanya merujuk kejadian rusuhan peminat bola sepak di Stadium Likas dua minggu lalu yang

ceritanya berpanjangan sehingga hari ini.

Isu panas bola sepak ini mengalihkan seketika tumpuan pada politik Sabah

yang khabarnya sudah berada di ambang pilihan raya negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diajukan persoalan mengenai pilihan raya Sabah pada akhir lawatannya ke Sabah 16 Mei lalu, tidak memberi sebarang petunjuk masa sesuai mengadakannya, sebagaimana diharapkan kebanyakan pemerhati politik di Negeri Bawah Bayu.

Beliau juga tidak memberi kepastian ketika diajukan soalan mengenai sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

"Bagilah peluang...dia baru saja berapa hari," katanya ringkas, merujuk

pelantikan Musa sebagai Ketua Menteri menerusi sistem penggiliran itu,

sekali gus menutup ruang spekulasi.